

Ahad, 10 Mei 2020 | 12:51pm



Rosol meneliti bekalan ikan ketika mengadakan lawatan di LKIM, Tok Bali, Pasir Puteh, hari ini. - NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

## Bekalan makanan cukup menjelang Aidilfitri - KPDNHEP

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my

**PASIR PUTEH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan di seluruh negara mencukupi menjelang Aidilfitri.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata justeru orang ramai tidak perlu bimbang mengenai masalah bekalan makanan, terutama membabitkan bahan lauk.

"Saya sudah mengadakan lawatan di beberapa negeri bagi melihat seluruh rantaian pembuatan makanan menjelang Aidilfitri, dan mereka memberi jaminan bekalan makanan mencukupi

"Sehubungan itu, saya mengingatkan semua peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga dan menyorok barang," katanya.



'Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Tok Bali, di sini, hari ini.

Rosol memaklumkan, kementerian juga sedang mengkaji untuk mengenakan harga siling bagi barang keperluan tertentu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, tujuh peniaga warga asing di Kelantan dikenakan kompaun RM1,000 seorang atas kesalahan tidak meletakkan tanda harga, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), baru-baru ini,

Katanya, masing-masing tiga daripada peniaga terbabit adalah di Kota Bharu dan Tanah Merah, manakala seorang lagi di Gua Musang.

"Justeru, saya meminta orang ramai yang ada maklumat mengenai peniaga mengambil kesempatan, boleh membuat aduan lengkap kepada pihak kementerian untuk diambil tindakan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687238/bekalan-makanan-cukup-menjelang-aidilfitri-kpdnhep>

